

KENYATAAN TAWARAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**PEROLEHAN PEMBAHARUAN SOKONGAN LESEN ORACLE GOLDEN GATE
DAN ORACLE PARTITIONING DI PUSAT DATA KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Petender-petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berikut yang masih sah dan berkuat kuasa pada tarikh tutup tawaran ini dan mempunyai token ePerolehan yang belum luput tarikh:

210103 - Software - Supply all computer software, operating system, database, off-the-shelf packages including maintenance

2. Butiran tender yang ditawarkan adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	TAJUK TENDER DAN NOMBOR TENDER	PEROLEHAN PEMBAHARUAN SOKONGAN LESEN ORACLE GOLDEN GATE DAN ORACLE PARTITIONING DI PUSAT DATA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA NO TENDER: QT240000000033311
2.	TARIKH IKLAN TENDER	28 November 2024 (Khamis)
3.	TARIKH TUTUP TENDER	19 Disember 2024 (Khamis)

3. Tender dilaksanakan melalui sistem e-Perolehan secara atas talian sepenuhnya. Petender-petender yang ingin menyertai tender ini **MESTILAH berstatus eP-enabled (mempunyai ID log masuk dan sijil digital yang telah diaktifkan)**.
4. Tawaran tender hendaklah dikunci masuk ke dalam sistem e-Perolehan sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup tender.

5. Cara-cara mengunci masuk ke dalam Sistem e-Perolehan
 - a. Petender hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam Dokumen Tender serta menyemak kandungan Dokumen Tender dengan **TELITI** sebelum mengunci masuk di dalam sistem e-Perolehan. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan mengakibatkan tawaran tender tersebut tidak akan dipertimbangkan.
 - b. Semua lampiran / borang dalam sistem e-Perolehan hendaklah diisi dengan **LENGKAP DAN JELAS** serta **MEMATUHI ARAHAN** yang dinyatakan.
 - c. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan membolehkan tender tersebut tidak akan dipertimbangkan/ditolak.
6. **Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:**
 - a. Petender **LEWAT** menyerahkan tawaran tender dengan lengkap dalam Sistem e-Perolehan;
 - b. Petender **menulis, mencatatkan atau memaparkan sebarang identiti syarikat** termasuk cop nama dan tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran pada dokumen teknikal yang dikemukakan secara atas talian.
 - c. Petender **GAGAL** memuatnaik dokumen wajib dengan lengkap ke dalam Sistem e-Perolehan.
7. **Tawaran Kewangan** dan **Tawaran Teknikal** hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem e-Perolehan sebelum atau pada tarikh tutup tender. **Tawaran yang lewat dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem e-Perolehan tidak akan dipertimbangkan.**
8. Petender dikehendaki mengemukakan **SEMUA** dokumen sokongan yang diminta oleh pihak Kementerian dalam dokumen tender. Bagi Petender yang gagal mengemukakan kesemua dokumen yang diminta, Kementerian ini mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran Petender.
9. **Petender boleh merujuk kepada dokumen tender di dalam sistem e-Perolehan** untuk maklumat terperinci.
10. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
11. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di portal rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia <https://www.moe.gov.my>, e-Perolehan dan MyPROCUREMENT. Petender dinasihatkan untuk sentiasa melayari portal rasmi yang dinyatakan bagi mendapatkan maklumat mengenai arahan-arahan terkini atau pindaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.